

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 – 6/1/1Jld 3(6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 07 TAHUN 2016**

Tarikh : **27 Julai 2016 (Rabu)**

Masa : **10.00 pagi hingga 11.30 pagi**

Tempat : **Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

Kehadiran : **Seperti di Lampiran A**

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain Bin Che Ali, Pengarah Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 PERUTUSAN Pengerusi

YBhg. Dato' Pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 07/2016 dan seterusnya memaklumkan mengenai beberapa perkara berikut:

**2.1 UCAPAN PENGHARGAAN KEPADA MANTAN TIMBALAN
YANG DIPERTUA MPSJ**

Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memberikan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada mantan Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Tuan Haji Abdullah bin Marjunid di atas persaraan beliau pada 22 Julai 2016.

2.2 LAWATAN DELEGASI GLOBAL INTEGRITY LEADERSHIP COURSE SEMPERA PROJEK COMMUNITY INTEGRITY BUILDING MPSJ

Sukacita dimaklumkan bahawa **Delegasi *Global Integrity Leadership Course*** akan mengadakan lawatan ke Majlis Perbandaran Subang Jaya sempena **Projek *Community Integrity Building MPSJ***. Lawatan ini akan melibatkan tiga puluh (30) orang peserta yang terdiri daripada Pegawai-Pegawai Kanan dan Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO) dari seluruh negara ASEAN.

Maklumat lawatan adalah seperti berikut:

Tarikh : 30 Julai 2016 (Sabtu)
Masa : 9.00 pagi hingga 2.00 petang
Tempat : Laman Kenanga, Bangunan Ibupejabat MPSJ

2.3 PROGRAM 'TOWN HALL MEETING' DUN KINRARA

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program '*Town Hall Meeting*'** DUN Kinrara yang melibatkan **JKP Zon 6 hingga Zon 11**. Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : 13 Ogos 2016 (Sabtu)
Masa : 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari
Lokasi : Dewan Serbaguna MPSJ Puchong Jaya

Program '*Town Hall Meeting*' merupakan medium komunikasi dua hala antara pihak Majlis dan masyarakat setempat untuk mengemukakan pandangan dan idea demi kepentingan bersama. Program ini dianjurkan adalah bertujuan:

a) Medium penyaluran maklumat antara pihak Majlis dan komuniti;

- b) Mendapatkan maklumat berkenaan permasalahan dan aduan penduduk yang berkaitan untuk diselesaikan oleh pihak Majlis;
- c) Menggalakkan penglibatan dan penyertaan masyarakat di dalam aktiviti dan program kemasyarakatan anjuran MPSJ; dan
- d) Menyalurkan maklumat dan penerangan berhubung aktiviti, program dan dasar MPSJ kepada masyarakat.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir ke program ini.

2.4 PROGRAM JALINAN KASIH 'HOME HELP SERVICES'

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Khidmat Bantu Di Rumah (*Home Help Services*)**. Program ini merupakan **kerjasama MPSJ dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Subang Jaya**.

Senarai nama OKU yang terlibat diperolehi daripada Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Subang Jaya dan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ.

Tujuan program ini adalah untuk memberi bantuan dan sokongan kepada OKU yang miskin dan terlantar agar dapat menjalani kehidupan seharian mereka dengan lebih selesa, dihormati dan tidak merasai diri mereka disisih.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **30 Ogos 2016 (Selasa)**
Masa : **9.00 pagi hingga 1.00 petang**
Lokasi : **i) Kg. Sri Aman Luar, Puchong**
ii) Kg. Tengah, Puchong

Sumbangan yang akan diberikan adalah berbentuk wang tunai dan barangan asas seperti makanan, pakaian, *pampers* dan

keperluan lain yang diperlukan. Semoga segala usaha murni yang dilaksanakan ini berjaya meringankan beban golongan OKU yang terlibat.

2.5 KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA DAN VETERAN MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Kejohanan Sepak Takraw Terbuka dan Veteran MPSJ 2016**. Pertandingan ini merupakan kejohanan sepak takraw kali ke sebelas (11) yang dianjurkan oleh MPSJ.

Penganjuran kejohanan ini adalah untuk menggalakkan kegiatan yang sihat dan memberi peluang di kalangan semua golongan termasuk remaja, belia dan veteran untuk melibatkan diri dalam kegiatan sukan dan membuat sumbangan amal.

Selain bersukan, peserta dapat membantu golongan fakir miskin di kawasan pentadbiran MPSJ melalui kerjasama dengan Program Kemiskinan Masyarakat Bandar (PKMB) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Berikut adalah maklumat program;

Tarikh : **13 & 14 Ogos 2016 (Sabtu & Ahad)**
Masa : **8.30 pagi hingga 11.00 malam**
Lokasi : **Kompleks 3K, SS13, Subang Jaya**

Kategori yang dipertandingkan ialah **Kategori Terbuka dan Kategori Veteran**. Yuran penyertaan untuk satu regu adalah sebanyak **RM50.00 beserta dua kampil beras berharga RM30.00 setiap satu bagi kategori Terbuka dan RM50.00 beserta satu kampil beras berharga RM30.00 bagi setiap satu bagi kategori Veteran**.

Beras ini adalah untuk Program Amal PKMB, *Home Help Service* dan juga untuk anak-anak yatim. Manakala yuran penyertaan

akan dimasukkan ke dalam hasil Majlis. Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.6 KEJOHANAN SCRABBLE MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Kejohanan Scrabble MPSJ 2016**. Pertandingan ini merupakan program kerjasama antara Kompleks 3C dan Subang Jaya Community Sports Club (SJCSC) dan kali ke tiga (3) diadakan di Kompleks 3C, MPSJ.

Pada kejohanan kali ini, sasaran penyertaan adalah seramai 200 orang pemain scrabble dari seluruh Malaysia. Sebanyak 4 kategori dipertandingkan iaitu kategori terbuka, *intermediate*, *beginner* dan *primary*.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **6 & 7 Ogos 2016 (Sabtu & Ahad)**
Masa : **9.00 pagi hingga 6.00 petang**
Lokasi : **Kompleks 3C, MPSJ**

Yuran Penyertaan bagi pertandingan ini adalah seperti berikut:

i.	Kategori Terbuka	:	RM60.00
ii.	Kategori <i>Intermediate</i>	:	RM35.00
iii.	Kategori <i>Beginner</i>	:	RM25.00
iv.	Kategori <i>Primary</i>	:	RM20.00

Yuran penyertaan akan dimasukkan ke dalam hasil Majlis. Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan pertandingan ini.

2.7 PROGRAM SENI BUDAYA MPSJ 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan **Program Seni Budaya MPSJ 2016**. Program ini merupakan salah satu aktiviti yang memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami keindahan seni budaya dan mempromosikan produk kebudayaan dan pelancongan MPSJ.

Maklumat program adalah seperti berikut:

Tarikh : **20 dan 21 Ogos 2016 (Sabtu & Ahad)**
Masa : **10.00 pagi hingga 9.00 malam (Sabtu) & 10.00 Pagi hingga 7.00 malam (Ahad)**
Lokasi : **One City**

Antara aktiviti yang akan diadakan sepanjang program ini berlangsung adalah:

- a) *Battle Of The Band* (Terbuka)
Yuran penyertaan sebanyak RM50.00/Kumpulan;
- b) Pertandingan Koir
Yuran penyertaan sebanyak RM50.00/Kumpulan;
- c) Pertandingan Dikir Barat (Terbuka)
Yuran penyertaan sebanyak RM50.00/Kumpulan;
- d) Pameran daripada Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT), Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN), Tourism Selangor dan Malaysia; dan
- e) Booth Promosi Kelas Muzik di kawasan MPSJ.

Semua Ahli Majlis, Pengarah, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ adalah dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

2.8 LAPORAN DEMAM DENGGI

Sehingga minggu epid ke 28, MPSJ telah mencatatkan sebanyak **5,977 kes demam denggi** berbanding 6,666 kes pada tempoh yang sama pada tahun lalu.

Bilangan kes demam denggi ketika ini menunjukkan peningkatan iaitu 147 kes pada epid ke 27 dan 176 kes pada epid ke 28. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor menjangkakan trend kes akan meningkat pada minggu epid berikutnya dengan perubahan keadaan cuaca panas dan lembab pada ketika ini.

Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD) akan membuat penyusunan jadual kawalan mengikut keutamaan lokaliti hotspot. Selain itu, PKD juga telah melantik 5 operator swasta bagi menambah bilangan kawalan di kawasan MPSJ.

Lokaliti hotspot demam denggi pada minggu epid ke 28 adalah berjumlah 19. Pecahan mengikut zon adalah seperti berikut:

BIL.	ZON	BILANGAN LOKALITI HOTSPOT
1.	Subang Jaya	4
2.	Kinrara	4
3.	Seri Serdang	7
4.	Seri Kembangan	4

2.9 ANUGERAH PENIAGA CONTOH BAZAR RAMADAN MPSJ 2016

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menyampaikan Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2016 kepada 15 peniaga contoh daripada 1,356 jumlah peniaga bazar Ramadan MPSJ 2016 pada 22 Julai 2016 semasa Majlis Jamuan Hari Raya MPSJ 2016.

Pemilihan Anugerah Peniaga Contoh Bazar Ramadan MPSJ 2016 berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak MPSJ. Antaranya ialah perlu mematuhi syarat-syarat Permit Bazar Ramadan MPSJ 2016, perlu mendapat gred A di dalam penilaian aspek kesihatan dan keselamatan makanan, tidak dikenakan tindakan penguatkuasaan serta mengamalkan dan mempunyai inisiatif hijau di dalam menjalankan perniagaan.

Penerima anugerah menerima cek berjumlah RM1,000.00 setiap seorang. Disamping itu, penerima anugerah juga diberi keistimewaan untuk memilih lokasi dan petak Bazar Ramadan MPSJ bagi tahun 2017 serta tidak perlu menjalani proses saringan dan undian pada Bazar Ramadan MPSJ 2017.

Semasa penganugerahan tersebut juga turut disampaikan “Insentif Raya bersama Planta dan Knorr” kepada 8 orang peniaga bazar Ramadan MPSJ 2016 yang bernilai RM1,000.00 setiap seorang. Insentif raya ini disumbangkan oleh Unilever Food Solutions terhadap peniaga yang memenuhi kriteria-kriteria daripada pihak Unilever Food Solutions.

2.10 MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT DEWAN NEGERI SELANGOR KE-13 (TIGA BELAS) TAHUN 2016

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Kedua Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke 13 tahun 2016 akan diadakan seperti ketetapan berikut:

**Tarikh : 1 Ogos hingga 5 Ogos 2016 (Isnin – Jumaat); dan
8 Ogos hingga 12 Ogos 2016 (Isnin – Jumaat)**

Waktu Persidangan:

Waktu persidangan ialah dari pukul 10.00 pagi hingga 1.00 tengahari dan 2.30 petang hingga 4.30 petang, **kecuali** pada hari Jumaat akan bermula pada pukul 9.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan 3.00 petang hingga 4.30 petang.

Tempat : Bangunan Dewan Negeri Selangor, Shah Alam, Selangor

3.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 06/2016

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 06 Tahun 2016 yang telah diadakan pada 30 Jun 2016 (Khamis) disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

Tiada perkara berbangkit.

5.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

5.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil.11/2016 bertarikh 13 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para (c) & m/surat 32	Encik Yap Kok Weng	Permohonan Pelan Bangunan MPSJ.BGN.BP5. 600-1/10/4/4	Memohon penjelasan daripada MPSJ sama ada jalan masuk ke tapak projek merupakan perkara yang dipertimbangkan bagi kelulusan permohonan tersebut. <u>Maklumbalas</u> YBhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa kemudahan asas

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				seperti jalan masuk antara aspek yang diberi perhatian untuk kelulusan sesuatu permohonan pelan bangunan.
2.	Para 5.26 & m/surat 61	Encik Yap Kok Weng	Perkara 5.26 Kertas Kerja Bil. 430/54/11/2016	<p>Memohon pertimbangan pihak Majlis berhubung keputusan permohonan rayuan untuk menukar nama bangunan oleh YGS Property Sdn. Bhd. (MPSJ/JPB/600-1/7/BP4-18). Permohonan tersebut telah di TOLAK oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>YBhg. Dato Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Majlis mengambil maklum perkara ini serta mencadangkan supaya pemohon mengemukakan rayuan.</p>

5.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 12/2016 bertarikh 20 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 6/2016 bertarih 14 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	M/surat 9	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Perkara 4.1 (a) berkenaan isu yang dibangkit oleh YBhg. Dato' Yang Dipertua mengenai aduan jalan berlubang, lampu jalan, longkang dan lain-lain.	<p>Memohon penjelasan daripada pihak Majlis berhubung perkara-perkara berikut:</p> <p>a) Status terkini penyelesaian aduan jalan berlubang;</p> <p>b) Kemampuan pihak Majlis dari aspek sumber tenaga bagi tangani isu ini;</p> <p>c) Prestasi penyelesaian aduan jalan berlubang; dan</p> <p>d) Peruntukan yang digunakan bagi menyelesaikan isu aduan jalan berlubang.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ sentiasa memantau aduan jalan berlubang. Secara keseluruhannya, prestasi penyelesaian aduan jalan berlubang adalah sederhana dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>memuaskan. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu ditambahbaik.</p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan, rondaan secara kerap dan berkala akan dilakukan bagi memastikan jalan berlubang dapat terus diturap dan aduan dapat diselesaikan segera. Kualiti turapan juga dipertingkatkan bagi memastikan aduan jalan berlubang tidak berulang.</p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambahkan peruntukan daripada MARRIS bagi tujuan penyelenggaraan jalan.</p> <p>Pengarah Jabatan Kejuruteraan turut memaklumkan bahawa pada 5 Ogos 2016 pihak Majlis akan melantik kontraktor untuk kerja-kerja pembaikan jalan.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
2.	Para 3.8.2 & muka/surat 14	Encik Mohan Singh a/ Surtar Singh	<i>Fly over</i> Setia Walk	<p>Memaklumkan bahawa laluan di <i>Fly Over</i> Setia Walk sangat merbahaya dan boleh mengakibatkan kemalangan. Mohon tindakan segera daripada MPSJ.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Y.Bhg Dato' Yang Dipertua mengarahkan supaya perbincangan segera bersama pemaju dapat diadakan bagi mengatasi permasalahan ini.</p>
3.	Para 7.8.1 & m/surat 26	Encik Tai Cheng Heng	Alih bekas tiang CCTV yang membahayakan penduduk	<p>Memohon tindakan daripada MPSJ untuk membuka dan mengalihkan sisa-sisa tiang CCTV dan papan iklan di Taman Universiti Indah kerana membahayakan penduduk.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua mengarahkan tindakan segera dilakukan oleh jabatan berkaitan.</p>

5.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 6/2016 bertarikh 18 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat Bil. 4/2016 bertarikh 18 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan dan Kesihatan Bil. 6/2016 bertarikh 19 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 4.2 & m/surat 6	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Peniaga tanpa izin bukan warganegara di Pasar Borong Selangor	Memohon penjelasan berhubung tindakan dan perancangan MPSJ bagi mengatasi masalah peniaga tanpa izin bukan warganegara di Pasar Borong Selangor <u>Maklumbalas</u> Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa MPSJ telah mengambil beberapa inisiatif bagi

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>mengurangkan kehadiran peniaga tanpa izin bukan warganegara di Pasar Borong Selangor seperti berikut:</p> <p>a) Mengadakan lawatan tapak bersama Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) untuk mengkaji senario sebenar di tapak;</p> <p>b) Perjumpaan bersama pemegang lesen pasar borong untuk mendengar permasalahan yang dihadapi mereka; dan</p> <p>c) Memperbaiki kemudahan-kemudahan asas dan sistem pungutan sampah.</p>
2.	Para 4.6 & m/surat 8	Encik Chia Yew Ken	Cadangan membuka gerai durian tempatan dan buah-buahan di tapak kosong SS13, Subang Jaya	<p>Memohon penjelasan daripada MPSJ berhubung permohonan tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas</u></p> <p>Y.Bhg. Dato' Yang Dipertua memaklumkan tapak kosong tersebut merupakan zon penampungan dan akan digunakan bagi tujuan lain.</p> <p>Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap memaklumkan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				akan memasang peralatan senaman di tapak kosong tersebut bagi kegunaan riadah penduduk setempat.
3.	Para 11.4 & m/surat 39	Puan Wong Siew Ki	Penjaja Pasar Borneo	Memohon penjelasan berhubung status permohonan penjaja Pasar Borneo. <u>Maklumbalas</u> Pengarah Jabatan Pelesenan memaklumkan bahawa temuduga penjaja Pasar Borneo akan diadakan secepat mungkin selepas proses saringan selesai.

5.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 5/2016 bertarikh 19 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

5.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 6/2016 bertarikh 21 Julai 2016

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.0 PENUTUP

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi. Mesyuarat Penuh MPSJ bulan **Julai 2016** akan diadakan pada 24 Ogos **2016 (Rabu)** jam 10.00 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(HAJI MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.
Penolong Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' NOR HISHAM BIN AHMAD DAHLAN), D.P.M.S., S.M.S.
Yang Dipertua
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

LAMPIRAN A

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------|
| 1. | YBhg. Dato' Nor Hisham bin Ahmad Dahlan, D.P.M.S, S.M.S
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 3. | Tuan Hj. Jaber bin Ami | - | " |
| 4. | Encik Roslan Shahir bin Mohd Shahir | - | " |
| 5. | Encik Edwin Lim Hock Lee | - | " |
| 6. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 7. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |
| 8. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 9. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 10. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 11. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 12. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 13. | Ir. Izham bin Hashim | - | " |
| 14. | Encik Wan Hock Leong, P.J.M, P.P.A | - | " |
| 15. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 16. | Puan Norzaihan binti Ismail | - | " |
| 17. | Puan Sharmazira binti Md Sharif | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 18. | Encik Mohd Saifullah bin Mohd Zulkifli | - | " |
| 19. | Puan Azalea Zulaikha binti Hj. Zulkifli | - | " |
| 20. | Puan Kavitha a/p Chandragesen | - | " |
| 21. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 22. | Puan Wong Siew Ki | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik P. Ravi Chandaran a/l Periasamy | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Chang Kim Loong, A.M.N. | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
3. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
4. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
6. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan

7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Dan Pembersihan Awam
9. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman
Pengarah, Jabatan Hasil
10. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari
Pengarah, Jabatan
12. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Pengarah, Jabatan Pelesenan
13. Encik Fadzli bin Zubi
Pengarah, Jabatan OSC
14. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pegawai Integriti, Unit Integriti
15. Puan Noraziah binti Ali
Pengarah, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Puan Aida binti Omar
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
18. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
19. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Landskap

20. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
21. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
22. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
23. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
24. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
28. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
29. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
30. Encik Saipudin bin Sulaiman
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
31. Encik Samsudin bin Ayob
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan

32. Cik Helda Syima binti Abu Talab
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik
33. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
34. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
35. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
36. Encik Mohd Fikri bin Misro
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
37. Encik Muhammad Iman bin Shafie Pati
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
38. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
39. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
41. Puan Roslailatulhani binti Md Sawal
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
42. Puan Noraini binti Nazaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

44. Encik Raja Mohd Ashraf bin Raja Chik
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Nur Mini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
46. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Jabatan Audit Dalam
47. Puan Mimi Zareena binti Md Nor
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
48. Cik Nor Zahirawaty binti Sihat
Penolong Pengarah, Jabatan Kesihatan
49. Encik Nordin bin Harun
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
50. Puan Mazlina binti Mustafa
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan
Pembersihan Awam
51. Puan Diana binti Muhamed Daim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
52. Puan Intan Rozlina Hani binti Rasim
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
53. Puan Siti Mahirah binti Sidik
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
54. Encik Mohd Yusnaidi bin Salleh
Penolong Pengarah, Jabatan COB

URUS SETIA

1. Encik Salmi bin Mat Saad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan